



ISBN: 978-967-12294-7-7
Jilid 6/2020

KOLOPEN

KOLOKIUUM PENDIDIKAN

Kertas Konsep

**Revolusi 4.0
IR:Transformasi
Pendidikan Abad Ke-21**

Penyunting
Dr Kamarudin Abu Hassan
Dr Noryani Md Yusof

Institut Pendidikan Guru
Kampus Perempuan Melayu Melaka

**Institut Pendidikan Guru Kampus Perempuan Melayu
Jalan Maktab, Durian Daun,
75400 Melaka**

KOOPEN KOLOKIUUM PENDIDIKAN

KERTAS KONSEP

Diselenggarakan dan diterbitkan oleh

**Jabatan Penyelidikan dan Inovasi
Profesionalisme Keguruan**

**Institut Pendidikan Guru
Kampus Perempuan Melayu
Melaka**

ISBN : 978-967-12294-7-7



1. Educational – Research – Malaysia | Malaysia IPPM

@2020 Hak cipta Institut Pendidikan Guru, Kampus Perempuan Melayu, Melaka

KOLOPEN KOLOKIUUM PENDIDIKAN (Jilid 6 kertas kons.cp) ini dikelola dan diterbitkan oleh Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan (JPIPK) IPGK Perempuan Melayu, Melaka. idea para pensyarah yang terlibat dengan isu-isu pendidikan semasa. Semua penulisan yang terdapat dalam wacana ini ialah hasil penulis-penulis sendiri dan tidak semestinya menggambarkan pandangan IPGK Perempuan Melayu, Melaka.

Buku ini diterbitkan berkala. Sidang pengarang mengalu-alukan para penulis untuk menyumbangkan hasil-hasil penulisan dalam terbitan yang akan datang. Sumbangan tersebut hendaklah dihantar kepada Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan, Institut Pendidikan Guru, Kampus Perempuan Melayu, Melaka.

PEMBERITAHUAN

KOLOPEN Kolokium Pendidikan Jilid 6. Certas Kajian, Institut Pendidikan Guru Kampus Perempuan Melayu merupakan buku yang diterbitkan dikelolakan oleh Unit Penyelidikan, Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan. Buku KOLOPEN Kolokium Pendidikan ini menampung karya ilmiah dan kertas kajian yang berkaitan dengan teori dan amalan dalam dunia pendidikan penyelidikan. Pihak Unit Penyelidikan, Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan mengalu-alukan sumbangan karya tentang pelbagai disiplin ilmu untuk dimuatkan dalam buku ini.

Bagi memudahkan urusan penerbitan karya, syarat-syarat yang berikut hendaklah dipatuhi:

1. Karya hendaklah menggunakan kertas bersaiz B5, fon Times New Roman (tajuk 10, kandungan 10, jadual / rajah 9/10), dan paparan kemas (*justify*) di sebelah kanan.
2. Karya hendaklah dikemukakan dalam bentuk naskhah bercetak (*hard copy*) sekitar lapan hingga lima belas halaman bertaip langkau satu baris (*single spacing*), dan disertai disket (*soft copy*) untuk memudahkan urusan penyemakan.
3. Karya hendaklah berupa karya asli mengikut format, gaya dan etika penulisan akademik yang diktrai, termasuk cara pemaparan data, petikan pendapat, dan bibliografi. Laras bahasa yang sesuai dengan bidang ilmu amat dititikberatkan. Bentuk bahasa yang betul mengikut tatabahasa Dewan Bahasa dan Pustaka adalah suatu kelebihan kepada penulis dan penerbit.
4. Jika karya berupa hasil kajian / penyelidikan, sila kemukakan penulisan abstrak, yang panjangnya sekitar 100 – 150 patah perkataan.
5. Setiap karya hendaklah disertai dengan surat litup yang mengandungi butiran seperti nama penuh penulis dan alamat lengkap untuk memudahkan urusan yang berkaitan.

Karya yang memenuhi syarat di atas bolehlah dikemukakan kepada:

Unit Penyelidikan,
Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan,
Institut Pendidikan Guru Kampus Perempuan Melayu,
Jalan Maktab, Durian Daun 75400 Melaka.
Tel: 06-2824827 Faks: 06-2818467

© Hak Cipta Terpelihara IPGM PM

Mana-mana bahagian daripada wacana ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem yang boleh diperbaiki, atau disiarkan dalam apa-apa bentuk tanpa kebenaran daripada IPGM, Kampus Perempuan Melayu, Melaka

ISBN 978-967-12294-7-7

JILID 6, 2020

ISI KANDUNGAN

Halaman

An Exploratory Study Investigating The Management Of Flight Operational Risk In Maintenance, Repair And Overhaul (Mro) With Selected Airlines Industry In Malaysia Md Jais Bin Ahmad (OUM/Pesara Tentera/Juruterbang)	1
Hubungan Pembudayaan Amalan (PAK21) Terhadap Penghargaan Kendiri Dan Motivasi Guru Ahmad Kamal Bin Yusoff, Dr Shahlan Bin Surat (UKM)	7
Penggunaan Pengurusan E- Pembelajaran Untuk Meningkatkan "Self Directed Learning" Murid Di Sekolah Badrul Hisham Bin Ismail, Anuar Bin Mohd Len, Izzah Binti Abu Bakar (IPGKPM)	19
Hubungan Kemahiran Abad Ke-21 Terhadap Sikap Dan Motivasi Murid Dalam Pendidikan Islam Sekolah Rendah Sirah Nasriah Binti Mohd Tajuddin, Ruslin Bin Amir (Phd) Universiti Kebangsaan Malaysia	24
Menguasai Bahasa Arab Mudah Melalui Tarjamah Tahliliy Quran Perkata Lafaz Basmalah Mohd Rizuan Bin Abd Rasip, Abdul Salam Bin Mohamed Ibrahim (IPGKPM)	33
Strategi Menerap Kemahiran Abad Ke 21 Dalam Latihan Guru Prasekolah Syed Lamsah Bin Syed Chear (Fakulti Pendidikan Dan Sains Sosial, Universiti Selangor)	40
Pendekatan Model Habriyyah Dalam Pengajaran Pembelajaran Hafazan Al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Faizul Ridhwan Bin Abdullah, Hasniefaliza Binti Hassim, Dr Kamarudin Bin Abu Hassan (SM Tahfiz Al-Quran (Jaim) Chenderah, Jasin, Melaka. (Sekolah / IPGKPM)	51
Amalan Kesedaran Sivik Tentang Pembuangan Sampah Di Kalangan Murid Sekolah Rendah Natrah Binti Mat Kasim (SK Pulau Sebang Melaka)	60

**HUBUNGAN PEMBUDAYAAN AMALAN PAK-21 TERHADAP
PENGHARGAAN KENDIRI DAN MOTIVASI GURU .**

Ahmad Kamal Bin Yusoff, Shahlan Bin Surat (PhD)
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Kajian ini bertujuan mengkaji hubungan antara elemen motivasi dan penghargaan sendiri dalam kalangan guru terhadap pembudayaan amalan PAK 21. Motivasi dan penghargaan sendiri ini merupakan elemen yang menjadi tumpuan yang penting dalam dunia pendidikan masa kini. Ini dibuktikan menerusi kajian-kajian lepas yang telah dijalankan berkaitan isu ini tidak menemukan jalan penyelesaian .Pelbagai rungutan dan keluhan kesah guru berkaitan perubahan dasar dan perubahan-perubahan dalam pendidikan bagi memenuhi Pengajaran Abad Ke 21 (PAK21).Metodologi kajian yang akan digunakan adalah kajian jenis korelasi dengan mengumpulkan maklumat dapatan dan menganalisis maklumat literatur jurnal yang berkaitan motivasi,penghargaan sendiri guru dalam amalan PAK21. Dapatan kajian lepas juga menunjukan isu motivasi pencapaian dan penghargaan sendiri merupakan isu yang sangat penting dalam sistem pendidikan . Motivasi dan penghargaan sendiri guru adalah element penting dalam meningkatkan kualiti pengajaran meningkatkan profesionalisme guru dalam amalan PAK21 di sekolah.

Kata kunci : Motivasi, Penghargaan Kendiri , Pembudayaan Amalan PAK 21 Guru

Pendahuluan

Perubahan sistem pendidikan telah merubah corak pelan pendidikan Malaysia yang lebih dinamik dan berdaya saing dengan menerapkan element teknologi, pembudayaan PAK21, kemahiran berfikir aras tinggi serta melahirkan pelajar yang mampu bersaing dalam era revolusi perindustrian 4.0 (IR4.0)

Pembudayaan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK 21) merupakan satu perkara yang perlu dilakukan oleh semua sekolah masa kini. Secara asasnya, PAK21 merujuk kepada 6K konsep iaitu Kemahiran Komunikasi,Kemahiran kolaboratif, Kemahiran kritis,Kemahiran kreatif , Kemahiran Nilai dan Kewarganegaraan Bagaimanapun dalam pelaksanaan sebenar di sekolah, masih ramai guru tidak tahu dan tidak memahami pembelajaran Abad ke 21 (Syed 2017).

Enam komponen yang dikenalpasti dan diambilkira ini merupakan komponen utama yang perlu ada di sekolah dalam pembudayaan PAK21. Kesemua komponen tersebut perlu dilibatkan dalam perancangan untuk menjadikan amalan pembelajaran itu bercirikan abad ke-21. Bagi membolehkan murid-murid abad ke-21 bersaing di persada global, mereka perlu dilengkapi dengan kemahiran kolaborasi, komunikasi, berfikiran kritikal dan kreativiti (Roekel, 2017).

Merujuk kepada artikel yang diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia Pembelajaran abad ke-21 (PAK21) itu merujuk kepada kemahiran-kemahiran yang perlu dikuasai oleh pelajar. Untuk kekal kompetitif, modal insan yang dihasilkan bukan sahaja perlu melakukan sesuatu yang belum pernah dilakukan, tetapi juga tidak boleh diganti atau direplikasi oleh komputer (Masome Khosravi (2018). Oleh itu, kemahiran 6k memainkan peranan penting dalam melahirkan modal insan yang berdaya saing.

Takrifan Masalah/Penyataan Masalah/Isu Kajian

Perubahan dalam sistem kurikulum sekolah telah berubah dari sistem KBSR kepada sistem baru KSSR. Perubahan sistem pendidikan merupakan dasar dalam perkembangan ilmu serta pengetahuan murid bagi membina masyarakat yang mampu berdaya saing dalam mendepani cabaran masa kini. Di peringkat sekolah telah mula diperkenalkan dengan kemahiran berfikir aras tinggi, konsep kemenjadian murid serta mewujudkan amalan sekolah berpusatkan murid. Segala usaha ini dilaksanakan agar dapat mewujudkan modal insan pelajar yang mampu bersaing dengan negara maju lain (Aslasiah (2014). Pelbagai isu dan masalah timbul dalam merubah amalan pembelajaran yang lebih bersifat dinamik dalam memacu perubahan sistem pendidikan. Amalan pembelajaran (PAK-21) telah mula dilaksanakan di sekolah namun begitu terdapat rungutan dan keluh kesah di kalangan guru.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 menetapkan kepada kebolehan individu menggunakan kemahiran mencari, menaakul pendapat, cadangan dan idea dalam bentuk pemikiran kreatif dan kritis. Budaya ini perlu dipupuk sebagai budaya harian dan budaya dalam merubah landskap pendidikan negara.

Guru kini masih lagi dibawah kepompong kaedah pengajaran yang lama dan tidak mahu berubah mengikut perubahan teknologi. Guru tidak kreatif untuk merubah kaedah pengajaran namun masih lagi menggunakan peralatan sedia ada disekolah tanpa menekankan teknologi dalam PdPC. Jerry Chandra (2017) dalam kajiannya menjelaskan pendidikan lama seperti penggunaan kapur dan papan hitam merupakan ketinggalan dan kaedah penyampaian lama tidak sesuai untuk dilaksanakan dalam perubahan teknologi masa kini. Perubahan teknologi memerlukan para guru yang kreatif dalam membangunkan potensi pelajar mengikut kaedah dan teknik yang sesuai dalam bilik darjah (Woolnough, 1993).

Masih ramai guru yang tidak tahu dan tidak mempunyai kemahiran dalam pembelajaran Abad ke -21. Isu yang ditimbulkan oleh guru tidak faham dan tidak didedahkan dengan terperinci mengenai pembudayaan budayapembelajaran (PAK-21) kerana terdapat banyak element element yang baru dalam sistem pembelajaran (PAK-21) serta tiada cukup sokongan kepada guru dalam melakukan budayapembelajaran PAK-21. Apabila guru gagal memahami sesuatu konsep yang diperkenalkan oleh kementerian, ini akan dianggap sebagai beban kepada guru serta matlamat utama sesauu dasar itu akan gagal untuk diterjemahkan kepada kemenjadian murid. Menurut Noraini (2015) kefahaman guru terhadap sesuatu konsep akan memberi gambaran jelas terhadap tindakan, keputusan dan budayadalam bilik darjah merupakan element penting dalam menjana kualiti guru dan kemenjadian murid.

Tujuan/Matlamat

Kajian ini adalah suatu penyelidikan terhadap beberapa pembolehubah yang berkaitan dengan pembudayaan amalan pembelajaran (PAK-21) di sekolah terhadap tahap motivasi guru dan penghargaan sendiri (*self esteem*) guru. Berdasarkan kajian lepas amalan pembelajaran sekolah mempunyai hubungan dengan motivasi pengajaran dan penghargaan sendiri. Oleh itu,penyelidik telah memilih beberapa komponen sebagai konstruk kajian iaitu motivasi pengajaran guru dengan penghargaan sendiri guru hubungannya dengan pembudayaan amalan PAK21.

Skop kajian ini menekankan beberapa aspek motivasi pencapaian guru dengan penghargaan sendiri guru serta hubungannya dengan pembudayaan amalan (PAK21) telah diadaptasi dari Model widya (2010),raf (2004)

Instrumen Pembudayaan Amalan (PAK-21) telah dibina oleh Eow Yee (2017) diadaptasi untuk mengukur tahap Pembudayaan amalan (PAK-21) yang merangkumi pembudayaan kemahiran kolaboratif,kemahiran kritis,kemahiran kreatif, kemahiran nilai,kemahiran kewarganegaraan dan kemahiran komunikasi. Manakala, instrument Instrument Mengukur Tahap Penghargaan Kendiri “Rosenbrg, (1965) Scale For Teacher’s Self-Esteem (TSS)”diadapatasi untuk mengukur tahap penghargaan sendiri guru. Seterusnya instrument motivasi diadaptasikan dari instrument motivasi pencapaian A Quick Measure Of Motivation Achievement (Ray, 1979)

Objektif/Sasaran Kajian

Kajian ini adalah bermatlamat mengenal pasti Pembudayaan Amalan PAK21 hubungan motivasi dan penghargaan sendiri dalam kalangan guru sekolah. Dari kajian yang bakal dijalankan ini, objektif kajian yang dikaji ialah

1. Untuk mengenalpasti tahap motivasi ,penghargaan sendiri dan pembudayaan amalan (PAK21) guru di sekolah .
2. Untuk mengenalpasti hubungan pembudayaan amalan (PAK21) terhadap penghargaan diri (selfesteem) dikalangan guru sekolah.
3. Untuk mengenalpasti hubungan pembudayaan amalan (PAK21) terhadap motivasi dikalangan guru sekolah.
3. Untuk mengenalpasti hubungan pembudayaan amalan (PAK21) terhadap motivasi dan penghargaan sendiri(selfesteem) dikalangan guru sekolah.


PERSOALAN KAJIAN

Daripada objektif kajian yang diberi, persoalan kajian yang cuba dijawab ialah :

- a)Apakah tahap motivasi ,penghargaan sendiri dan pembudayaan amalan (PAK21) dalam kalangan guru?
- b)Apakah hubungan Pembudayaan amalan (PAK21) memberikan impak motivasi guru?
- c)Apakah hubungan Pembudayaan amalan (PAK21) memberikan impak penghargaan sendiri guru?
- d)Apakah hubungan motivasi dan Penghargaan sendiri terhadap pembudayaan amalan (PAK21)?

KERANGKA TEORI

Instrumen Pembudayaan Amalan (PAK-21) telah dibina oleh Eow Yee (2017) diadaptasi untuk mengukur tahap Pembudayaan Amalan (PAK-21) yang merangkumi pembudayaan kemahiran kolaboratif, kemahiran kritis, kemahiran kreatif, kemahiran nilai, kemahiran kewarganegaraan dan kemahiran komunikasi. Manakala, instrument Instrument Mengukur Tahap Penghargaan Kendiri “Rosenbrg, (1965) Scale For Teacher’s Self-Esteem (TSS)” diadaptasi untuk mengukur tahap penghargaan sendiri guru menggunakan dan mengadaptasikan dari Teori Hierarki Keperluan Maslow. Seterusnya instrument motivasi merupakan rujukan dari Teori motivasi McClelland diadaptasikan dari instrument motivasi pencapaian A Quick Measure Of Motivation Achievement (Ray, 1979)



Rajah 1 : Kerangka konsep diadaptasikan dari widya (2010),raf (2004)

ANALISIS DAN SPESIFIKASI KEPERLUAN UNTUK JALANKAN KAJIAN

Kajian ini berfokus kepada pembolehubah-pembolehubah pembudayaan amalan (PAK21) terhadap ,penghargaan sendiri dan motivasi guru. Kajian ini berbentuk kajian tinjauan yang dijalankan di beberapa buah sekolah di Daerah jasin sahaja. Sampel kajian ini juga terdiri daripada guru sekolah di sekitar jasin .Maklumat kajian diperolehi melalui borang soal selidik sahaja. Maklumat yang didapati juga bergantung kepada kefahaman,kejujuran,dan juga pentafsiran guru terhadap pernyataan dalam menjawab borang soal selidik yang diberikan. Manakala,alat

pengukuran yang digunakan untuk mengukur tahap motivasi diadaptasikan dari instrument Motivasi Guru “*A Quick Measure Of Motivation Achievement (Ray, 1979)*” Manakal instrument penghargaan sendiri di adaptasikan dari instrument penghargaan sendiri rosenburg (1968) “*Rosenbrg, (1965) Scale For Teacher’s Self-Esteem (TSS)*” digunakan mengukur tahap penghargaan sendiri guru. Kemudian instrument pembudayaan amalan PAK 21 diadaptasikan dari Eow Yew (2017) bagi mengukur 6 element pembudayaan PAK21 iaitu kemahiran kritis ,kemahiran nilai, kemahiran komunikasi,kemahiran kolaboratif,kemahiran kreatif dan kemahiran kewarganegaraan Setiap instrument ini telah diuji dari segi kebolehpercayaan dan kesahan.

REKA BENTUK SISTEM

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan dan juga korelasi. Reka bentuk tinjauan ini digunakan untuk menjelaskan tentang penyelidikan yang melibatkan pungutan data daripada populasi yang digunakan untuk mengetahui tentang tingkah laku dan budaya serta tingkah laku,tabiati dan keinginan tentang sekumpulan orang (Noraini 2013). Korelasi pula dilakukan adalah untuk mencari hubungan antara pembolehubah dengan menggunakan kaedah statistik korelasi untuk menilai kekuatan serta arah hubungan antara perkaitan antara pembolehubah yang dikaji.Pembolehubah yang terlibat dalam kajian ini adalah pembolehubah tidak bersandar iaitu, Pembudayaan Amalan Pembelajaran Abad Ke 21 (PAK21). Manakala pembolehubah bersandar yang terlibat dalam kajian ini merujuk kepada penghargaan sendiri dan motivasi guru. Pelaksanaan kajian ini dijalankan dengan menggunakan borang soal selidik dimana penyelidik mengedarkan borang soal selidik kepada sampel untuk mengenalpasti tahap penghargaan sendiri dan motivasi guru hubungan di antara pembudayaan budaya PAK-21 di sekolah.

TINJAUN LEPAS

Tinjaun Lepas PAK21

Menurut Kementerian pendidikan Malaysia (2018) 6 element utama amat penting dalam membudayakan budayaPdPC dalam mengaplikasikan pengajaran APK21. Salah satu element yang penting adalah element kreatif dalam PdPC . Guru pula berperanan sebagai pelaksana yang kreatif yang berupaya mendorong guru meneroka dan berinovasi untuk meningkatkan kemahiran berfikir dan mereka cipta. Untuk mengamalkan pengajaran kreatif, pengetahuan dan kemahiran kurikulum juga perlu disampaikan dengan jelas (Cochran-Smith, 2005) dengan cara mempelbagaikan pendekatan pengajaran (Ruey, 2010). Guru yang sentiasa menggunakan pelbagai kaedah dalam pengajaran akan mudah diterima oleh murid (Hong 2005).Penglibatan murid juga penting dalam memberikan impak budayapengajaran kreatif. Justeru guru harus bijak dan mahir dalam menentukan pendekatan pengajaran yang mampu melibatkan penglibatan murid.

Tinjauan Kajian Lepas Penghargaan Kendiri

Penghargaan Kendiri Feshbach, Weiner, & Bohart, (1996) menjelaskan bahawa penghargaan sendiri secara asasnya adalah suatu bentuk penilaian yang bersifat nilai positif atau negatif terhadap diri sendiri bagi seseorang individu.. Penghargaan sendiri dan budaya sekolah membentuk personaliti guru dan muris dalam amalan pembelajaran bilik darjah . Motivasi merupakan tingkah laku manusia dipengaruhi oleh sejauh mana impak terhadap perasaan mereka menilai diri mereka sendiri. Seseorang yang sangat beremosi adalah disebabkan pernah berpengalaman negatif dan berpengaruh untuk ke arah bertanggungjawab negatif terhadap diri sendiri (Yusof Boon (2013).

Penghargaan sendiri dan personaliti guru dalam amalan bilik darjah akan memberikan kesan kepada amalan (Alkalbani, M. (2018) . Menurut (Umair Hassan (2017) kaedah pengajaran guru dan amalan yang menyeronokkan akan menghasilkan gaya tingkah lakunya dan memberi kesan kepada kefahaman dan persepsi murid dan guru dalam menilai diri sebagai suatu proses pengajaran dan pembelajaran Penghargaan sendiri berperanan penting dalam membina dan memacu proses personaliti guru yang aktif berfikir dan bertindak mengikut perubahan dan kehendak pelajar dalam menyampaikan ilmu (Nor Nazimi (2017).

Tinjauan Lepas Motivasi

Pencapaian guru merupakan petunjuk yang penting dalam penilaian pendidikan dalam merombak kejayaan akademik pelajar (Eow Yee (2017). Dalam pelaksanaan kajian ini pengkaji menaplikasikan motivasi keperluan pencapaian McClelland. Menurut teori motivasi secara asasnya motivasi luaran merujuk kepada input subangan yang diterima daripada amalan seseorang individu akan mempengaruhi motivasi seseorang , sebaliknya motivasi dalaman adalah hasil daripada dalaman seseorang Individu. Menurut Junaidah Mohamad(2013) menegaskan bahawa motivasi dalaman seperti ciri-ciri seperti semangat berjuang dan inginkan kejayaan dan bersemangat untuk menerima cabaran merupakan individu yang mempunyai motivasi tinggi. Anis Salwa (2018) berpendapat bahawa motivasi pencapaian guru merupakan kualiti bermotivasi dalaman dan berjaya memberi ransangan secara berkesan terhadap amalan mereka dan juga untuk menguasai dunia luar mereka.

KESIMPULAN

Kajian ini cuba menambahkan kefahaman Pembudayaan Amalan PAK21 serta pengaruhnya kepada Motivasi Dan Penghargaan Kendiri Guru. Sehubungan itu, Pembudayaan Amalan PAK21 di dalam Pdpc bilik darjah mampu memberikan impak terhadap proses dan kaedah pengajaran guru secara tidak langsung membangunkan motivasi dan penghargaan sendiri guru nanti. Kajian tentang Pembudayaan Amalan PAK21 serta impaknya kepada Motivasi Dan Penghargaan Kendiri Guru ini dianggap satu kajian yang penting kepada guru dan juga semua pendidik termasuklah pelajar untuk lebih bersedia dan membantu sistem pendidikan dalam menghadapi cabaran PAK21 . Kajian ini juga penting dalam memberikan panduan kepada guru-guru khususnya guru-guru yang terlibat dengan pelajar sekolah dalam memahami konsep PAK21 yang akan memberikan impak proses pengajaran dan psikologi guru di sekolah. Batasan kajian yang tidak dapat dielakkan adalah kejujuran guru dalam menjawab borang soal selidik dan juga sampel yang terlibat tidak dapat meliputi ke semua guru sekolah rendah dan akhir sekali kajian dapatan ini tidak dapat digeneralisasikan kepada semua sekolah rendah di Malaysia

SENARAI RUJUKAN

- Alkharusi, H., Aldhafri, S., Alnabhani, H., & Alkalbani, M. (2018). Educational Assessment Attitudes, Competence, Knowledge, and Practices: An Exploratory
- Chew Fong Peng (2014) Universiti Malaya Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Kreatif Dan Kritis Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Komsas Di Sekolah Menengah
- Creative Teaching. Paper presented at the international conference on Redesigning Pedagogy: Research,
- Jerry Chandra (2017) Pengaruh Stres Kerja Dan Penghargaan sendiri Terhadap Kinerja Karyawan Pada P.T. Lie Fung Surabaya
- De Bono, E. (1993). Atlas of management thinking. London: Penguin Books
- Fatimah Binti Affendi (2014) Tahap Penghargaan sendiri Dan Komitmen Organisasi Dalam Kalangan Guru Kolej Vokasional: Pendekatan Structural Equation Model : Universiti Tun Hussein Onn
- Jie Lia Xue, Hana Wang(2018) “How Social Support Influences University Students' Academic Achievement And Emotional Exhaustion”: The Mediating Role Of Self-Esteem School Of Management, Shanghai University, Shanghai, China .
- Jo Corlett (2018) “Enhancing Self-Esteem In Vulnerable Families” School Of Nursing And Midwifery, University Of Dundee
- Juliana.Osong (2016) Preparation Persediaan Pengetahuan Dan Kemahiran Guru Abad Ke-21 Jabatan PIPK, IPGK Gaya, Kota Kinabalu Sabah
- Junaidah Mohamad (2013)Kajian Tentang Kepuasan Bekerja Dalam Kalanganguru-Guru Pendidikan Khas : Universiti Sains Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). Pelan Pendekatan k Interim Kementerian Pelajaran Malaysia 2011-2025
- Masome Khosravi (2018), “Relationship Of Self-Esteem And Attributional Styles With Self-Handicapping In Primary Schools.” Department Of Education, University Of Sistan And Baluchestan, Zahedan, Ir Iran
- Maslow, Abraham H. 1954. Motivation and Personality. New York: Harper & Brothers.
- Nor Aslasiyah Binti Ghani (2014)Kemahiran *Employability* Dan Penghargaan Kendiri Dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan, UTHM
- Nurzarina Amran (2016) Kefahaman Guru Tentang Kemahiran Abad Ke-21 Universiti Kebangsaan Malaysia
- Partnership for 21st Century Skills. (2011). Framework for the 21st century learning.
- Rosenberg, M. (1965). Society and the adolescent self-image. Princeton, NJ: Princeton University Press
- Umair Hassan (2017) Effect Of School Environment On Teacher's Motivation And Self-esteem At Secondary Level In District Multan-pakistan,global Journal Of Management, Institute Of Southern Punjab,Pakistan
- Yusof Boon (2013) Kepimpinan Tersebar Dan Hubungan Dengan Tekanan Dan Komitmen Kerja : Faculty Of Educational Universiti Teknologi Malaysia